



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

# **BULETIN ICAN**

**UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023**

**PROGRAM “UNITE FOR HUMANITY” MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UITM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UITM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

# *International Community Service Programme 2023 (ICSP '23)*

## *"Meraikan Penglibatan Institusi Pengajian Tinggi dalam Kemampuan Kesihatan Kendiri"*

**SITI SYAIDA SIRAT, AHMAD HUSAINI MOHAMED & JAMIL MOHAMED SAPARI**



Tanggal 24 Ogos 2023 yang lalu, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Perniagaan (JPP), Fakulti Pengurusan Perniagaan, Kampus Kuala Pilah and CMH Specialist Hospital telah berjaya menganjurkan program International Community Service Programme 2023 (ICSP '23) bertempat di Galeri Diraja Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan.

Program ini dianjurkan serentak dalam minggu program Global Outreach Programme (GOP) (6.0) yang diadakan pada 21 hingga 25 Ogos 2023. Program khidmat masyarakat ini merupakan agenda tahunan pusat pengajian yang telah diterapkan selain daripada aktiviti berteraskan akademik bagi menyeimbangkan peranan ahli akademik di dalam sumbangan sosial kepada masyarakat yang memerlukan.

Program yang dianjurkan ini bertaraf antarabangsa dimana penglibatan universiti dari luar negara seperti Universitas Islam Indonesia (UII), Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH), Universitas Negeri Malang, dan Telkom University turut bersama turun padang hadir dan menyumbangkan sejumlah kerusi roda bagi kegunaan pihak hospital.

Melalui aktiviti yang dianjurkan ini, ia sekaligus memberi signifikasi kepentingan kerjasama di antara pelbagai pihak merentasi negara bagi memupuk semangat komuniti yang berteraskan kesukarelawan di dalam membantu pihak-pihak yang memerlukan.





Program ICSP '23 ini diserikan lagi dengan tawaran pemeriksaan kesihatan percuma oleh pihak CMH Specialist Hospital serta ceramah kesihatan daripada YBrs. Dr. Mahadevan Deva Tata (Pengarah Perubatan dan Konsultan bidang General & Upper Gastrointestinal, Obesity & Metabolic Surgery) bertajuk GERD (Gastroesophageal Reflux Disease)" dan Puan Yong Hui Ru (Pakar Dietetik) bertajuk The importance of balanced nutrition and its role in achieving overall well-being.

Melalui ceramah kesihatan yang disampaikan oleh pakar kesihatan daripada CMH Specialist hospital, para peserta didedahkan dengan kaedah terbaik untuk penjagaan kesihatan dan teknik untuk menyeimbangkan nutrisi di dalam pengambilan makanan.

Program ICSP '23 turut dimeriahkan dengan aktiviti putaran Fortune Wheel yang disediakan oleh pihak CMH. Secara keseluruhannya, penganjuran program memberi faedah dan kenangan bermakna kepada semua peserta yang terlibat. Hasil daripada program ICSP '23, kedua-dua pihak bersetuju untuk meneruskan kerjasama lanjut berkenaan aktiviti berteraskan kepada penjagaan kesihatan pada masa akan datang.